

Hijrah sengketa kepada berdamai

Sultan Nazrin menitahkan agar umat Islam melakukan penghijrahan minda

Oleh **NORMAWATI ADNAN**
IPOH

kan penghijrahan minda.

“Daripada budaya menyemarakkan fitnah kepada menegakkan kebenaran, daripada budaya berjiwa kecil kepada berjiwa besar, daripada ummah yang bersifat munafik kepada ummah yang bertakwa.

“Agar ummah di bumi ini menjadi ummah yang dihormati lagi disegani sesama manusia dan dipandang mulia di sisi-Mu,” doa baginda diaminkan sekalian hadirin yang hadir di Pusat

Konvensyen Casuarina Meru di sini pada Rabu.

Sementara itu, dalam ucapannya Sultan Nazrin bertitah, umat Islam hendaklah bersedia malah wajib melakukan penghijrahan minda dan budaya.

Titah baginda, penghijrahan itu membolehkan ummah berupaya memahami dan mentafsirkan isu-isu semasa daripada pelbagai dimensi serta bertenaga menangani dan menguasai situasi semasa terutama revolusi teknologi yang sedang pesat berlaku.

“Cabaran yang semakin rumit dan kompleks memerlukan perubahan minda dan perubahan budaya yang dapat disesuaikan mengikut tuntutan masa, namun tetap memenuhi nilai tauhid agar manusia tidak terpesong daripada tafsiran hidup sebenar,” titah baginda.



Sultan Nazrin berkekenan menyampaikan titah diraja pada Majlis Sambutan Kemuncak Maal Hijrah 1445H Peringkat Negeri Perak di Pusat Konvensyen Casuarina Meru, Ipoh pada Rabu.

Sultan Nazrin turut menekankan bahawa penghijrahan minda dan budaya bukan semudah yang digambarkan kerana perlu bersandarkan ilmu dan bertiangkan pengetahuan.

Seperti penghijrahan minda titah baginda, memerlukan minda yang bersedia keluar daripada kepompong kejahilan dan zon

keleselesaian, berani menerokai pengetahuan, kemahiran, medium dan kaedah baharu, dirintis selari dengan keperluan zaman.

“PENGHIJRAHAN minda memerlukan minda yang dahagakan kemajuan, minda bijaksana, rasional, merdeka yang tidak berjiwa hamba dan minda yang tidak gentar pada perubahan.

“PENGHIJRAHAN budaya (pula) merupakan kesediaan meninggalkan budaya usang dan lapuk digantikan dengan budaya lebih dinamik yang mencerminkan keluhuran budi, mengamalkan disiplin, memiliki maruah dan harga diri, bersifat amanah, jujur, ikhlas bertunjangkan prinsip dan nilai Islam,” titah baginda.

Dalam majlis itu, Sultan Nazrin turut berkekenan menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah Negeri Perak bagi tahun 1445 Hijrah kepada Pengasas Yayasan Pembangunan Masjid-Masjid Wilayah Bagan Serai, Jurij Sulaiman.

Turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim; Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa; Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah dan Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Keberangkatan tiba Sultan Nazrin sekitar jam 10 pagi itu disambut Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Hadir sama, Mufti Perak, Datuk Dr Wan Zahidi Wan Teh; Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Datuk Seri Mohd Annuar Zaini dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK), Harith Fadzilah Abdul Halim.



Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menitipkan doa agar umat Islam di negara ini melakukan penghijrahan minda daripada budaya yang memilih untuk bermusuhan kepada berkawan.

Doa baginda sempena Sambutan Maal Hijrah 1445 peringkat Negeri Perak pada Rabu memohon agar budaya yang cenderung bersengketa berubah kepada berdamai, berdendam kepada bermaaf-maafan, menabur janji kepada mengotakan kata dan mencari kelemahan kepada menggabungkan kekuatan.

“Bersempena hari pertama tahun Hijrah 1445 ini, kepada Mu Ya ALLAH, kami yang lemah ini mohon mendapat bimbingan dan petunjuk agar ummah khususnya ummah Mu di bumi ini melaku-